

UNTUK SIARAN SEGERA

18 JUN 2019

LLM, CIDB DAN UEM EDGENTA MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNTUK MENAMBAHBAIK ASPEK KESELAMATAN DALAM OPERASI DAN PENYELENGGARAAN LEBUH RAYA

- Perjanjian Tiga Pihak Ke Arah Menetapkan Piawaian Industri Baharu

Kuala Lumpur, 18 Jun 2019 - Pengguna lebuhraya termasuk pemandu boleh merasai pengalaman pemanduan yang lebih selamat di lebuhraya Malaysia berikutan satu Memorandum Persefahaman (“MoU”) yang ditandatangani hari ini antara Lembaga Lebuhraya Malaysia (“LLM”), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (“CIDB”) dan UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta”).

MoU, yang dimeterai hari ini di UEM Edgenta Learning Centre, Petaling Jaya telah disaksikan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia, adalah selari dengan hasrat Kementerian untuk mewujudkan piawaian industri baharu yang memberi penekanan terhadap keadaan persekitaran kerja yang lebih selamat bagi pekerja penyelenggaraan lebuhraya dalam sektor ini yang melibatkan penggunaan tenaga kerja yang intensif, di samping melindungi keselamatan pengguna jalan raya.

“Meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia sentiasa menjadi salah satu keutamaan Kementerian dan dengan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya, langkah tambahan perlu diambil bagi mengelakkan kehilangan nyawa sama ada disebabkan oleh kecuaihan mahupun penyelenggaraan infrastruktur yang tidak memuaskan. Kementerian Kerja Raya akan terus menyokong usaha untuk memodenkan lebuhraya Malaysia menerusi penggunaan penyelesaian yang inovatif dan selamat yang akan membolehkan pengendali penyelenggaraan dapat mengurangkan risiko berkaitan lalu lintas ke atas para pekerja mereka menerusi penggunaan penyelesaian berteknologi di samping melindungi pengguna jalan raya,” kata YB Tuan Baru Bian.

Setiap pihak yang terlibat dengan MoU ini akan menyumbang kepakaran mereka merangkumi aspek operasi, pengawalseliaan dan latihan, sekaligus akan memberi impak positif di samping meningkatkan piawaian keselamatan lebuhraya.

MoU ini antara lain memberi tumpuan kepada kajian dan penyelidikan mengenai jurang kecekapan modal insan dalam penyelenggaraan lebuhraya; untuk menetapkan piawaian dan sebagai penanda aras kepada amalan keselamatan terbaik untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang boleh digunapakai oleh syarikat lain yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan lebuhraya, serta meningkatkan keselamatan jalan raya bagi para pengguna serta pekerja-pekerja penyelenggaraan.

Satu manual akan diwujudkan selari dengan objektif MoU ini, dan ianya tidak terhad kepada amalan terbaik dan garis panduan bagi menangani jurang kecekapan dalam penyelenggaraan lebuhraya. Pada masa hadapan, pekerja-pekerja penyelenggaraan akan ditauliahkan oleh ketiga-tiga pihak dan amalan kerja terbaik ini akan digunapakai oleh syarikat pengendali penyelenggaraan lebuhraya lain di negara ini.

Pelancaran Kenderaan Mekanisasi Baharu untuk Penyelenggaraan Lebuhraya

Selaras dengan matlamat MoU ini dan sebahagian daripada komitmen terhadap persekitaran kerja yang lebih selamat untuk pekerja penyelenggaraan lebuhraya dan pengguna secara umumnya, UEM Edgenta menerusi bahagian penyelenggaraan lebuhraya dan jalan raya, Edgenta Infrastructure Services, telah melancarkan kenderaan-kenderaan mekanisasi baharu untuk penyelenggaraan lebuhraya. Satu demonstrasi mengenai keupayaan kenderaan-kenderaan mekanisasi ini telah dipertontonkan kepada Menteri Kerja Raya petang tadi.

Antara kenderaan yang dilancarkan ialah *mechanised grass cutter*, *mechanical road sweeper*, *Impact Protection Vehicle (IPV)* dan *remote slope grass mower*. Kenderaan *mechanised grass cutter* ini adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara yang kemudian dipasangkan dengan IPV untuk menyediakan keselamatan tambahan kepada pengguna lebuhraya dan meningkatkan keberkesanan operasi di mana ianya adalah 15 kali lebih cekap berbanding pemotongan rumput secara manual. Manakala, *mechanical road sweeper* pula adalah yang pertama di Malaysia digunakan untuk menyapu jalan. Sementara itu, penggunaan *remote slope grass mower* pula mampu mengurangkan tenaga kerja dan yang paling utama ialah meningkatkan tahap keselamatan pekerja dengan meminimumkan risiko pekerja berhadapan dengan lalu lintas semasa kerja-kerja penyelenggaraan dan rutin dijalankan.

Dato' Azmir Merican, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, "Syarikat seperti Edgenta Infrastructure Services tidak akan lagi menyelenggara lebuhraya secara tradisional. Selaku peneraju dalam sektor ini, kami sentiasa menegenahkan teknologi terkini dan memperkenalkan ciri-ciri mekanisasi dan automasi dalam operasi kami demi keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya serta pekerja kami".

"Inovasi kami melangkaui apa yang dapat disaksikan di lebuhraya, di mana penggunaan teknologi *big data* membolehkan kami memantau dari jarak jauh, menangani kerja-kerja rutin dan penyelenggaraan secara strategik dan bukan hanya berdasarkan jadual. Kami akan terus menambahbaik dan tidak bergantung kepada cara-cara konvensional semata-mata dalam melaksanakan tanggungjawab Syarikat dan mengurangkan risiko kemalangan kepada pekerja operasi kami di barisan hadapan," katanya.

Sebagai pelanggan utama Edgenta Infrastructure Services, PLUS Malaysia Berhad sentiasa menyokong pelaksanaan teknologi dan mekanisasi baharu di lebuhraya PLUS, yang akan menambahbaik aspek keselesaan dan keselamatan kepada pengguna lebuhrayanya.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (BSKL: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk Lebuhraya and Rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com) / 019 424 8283 / 03 2725 6946; Aishah Nor (aishah.nor@uemnet.com) / 012 305 0160 / 03 2727 6495; atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com) / 012 340 9438 / 03 2727 6492)